

# UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

UMK/B02.00/100-6/1 ( 69 )

31 DISEMBER 2009

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 23/2009

### PENGGUNAAN SISTEM PERAKAM WAKTU BERKOMPUTER SECARA 'ONLINE'

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Penyelaras Pengurusan Bil. 16 yang telah diadakan pada 22 November 2009 telah bersetuju meluluskan penggunaan Sistem Perakam Waktu Secara 'Online' mulai 3 Januari 2010.

2. Sistem Perakam Waktu Berkomputer Secara 'Online' bertujuan untuk pengawasan dan penyimpanan maklumat yang lebih cekap meliputi perkara-perkara berikut:

- a. Merekod waktu kedatangan dan waktu balik staf di pejabat;
- b. Merekod waktu kerja lebih masa staf; dan
- c. Mengeluarkan laporan kehadiran dan laporan lebih masa staf.

Rekod berkenaan amat penting kerana ia akan digunakan sebagai:

- a. Kawalan disiplin kepada setiap staf untuk mematuhi peraturan masa bekerja dan memudahkan ketua-ketua Jabatan memantau pergerakan staf; dan
- b. Bahan rujuk dalam kes-kes tatatertib iaitu untuk mengesahkan sama ada seseorang staf itu hadir bekerja, tidak hadir, cuti rehat dan sebagainya.

3. Semua ketua PTJ perlu menyemak rekod yang dicetak dari Sistem Perakam Waktu Berkomputer Secara 'Online' dan mohon mendapatkan penjelasan sekiranya terdapat staf yang tidak mendaftar masuk kehadiran mereka melalui sistem ini.

4. Pelaksanaan dan tanggungjawab merekodkan kehadiran bekerja adalah menjadi tanggungjawab semua warga staf Universiti bersesuaian dengan Perintah-Perintah Am dan Arahan Pentadbiran Kerajaan (PP Bil. 5 Tahun 2007) yang diterimapakai di Universiti Malaysia Kelantan.

Kerjasama semua warga staf Universiti dalam hal ini diucapkan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah

t.t

**PAUZI PAK CHU**

Pemangku Pendaftar

- s.k
- YBhg. Naib Canselor
  - YBhg. Timbalan-Timbalan Naib Canselor
  - Semua Dekan/ Pengarah Pusat/ Ketua Jabatan/ Bahagian
  - Edaran